



**UCAPAN OLEH
Y.B. DATO' DR EWON EBIN
MENTERI, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH NATIONAL UNIVERSITY DESIGN
CHALLENGE 2013**

**SELASA, 28 JANUARI 2014
MATRADE HALL, MENARA MATRADE, KUALA LUMPUR**

1. Terlebih dahulu, sepertimana Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dengan kita pada petang ini. Sebagai salah sebuah agensi di bawah kementerian saya, saya pasti kehadiran Yang Amat Berhormat Tan Sri memberikan dorongan kepada MRM untuk lebih giat berusaha memajukan industri rekabentuk di Malaysia .
2. Selain itu, syabas juga kepada MRM kerana telah menganjurkan program seumpama ini selama 18 tahun berturut-turut. Suka untuk saya nyatakan di sini bahawa saya sangat gembira dengan komitmen oleh kedua-dua mantan menteri dan timbalan menteri MOSTI sebelum ini kerana telah memberikan perhatian kepada Cabaran Rekabentuk Nasional (Peringkat Universiti) ini melalui pemberian

dana khas di bawah program Penggalakan Sains dan Inovasi MOSTI.

3. Bagi MOSTI, saya percaya pertandingan ini merupakan satu usaha yang baik selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengenalpasti bakat-bakat muda tempatan yang berpotensi dalam bidang rekabentuk yang kreatif dan berinovasi.
4. Kepada semua peserta, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada anda semua. Walaupun ada di antara anda yang tidak memenangi sebarang tempat, tetapi sekurang-kurangnya anda telah berjaya mengukur kemampuan diri anda dan terus meningkatkan usaha dalam menghasilkan idea yang lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing tinggi.

Yang Amat Berhormat Tan Sri dan para hadirin sekalian ,

5. Seiring dengan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan negara ke arah negara berpendapatan tinggi serta mencapai status negara maju menjelang 2020, kreativiti dan inovasi perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Justeru, pihak MOSTI telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Tahun Pengkomersilan MOSTI atau lebih dikenali sebagai MCY2014. Tujuan MCY2014 ini dilancarkan ialah untuk menggalakkan pengkomersilan idea–idea kreatif yang dihasilkan oleh agensi–agensi di bawah MOSTI supaya idea tersebut boleh dimanfaatkan dan memberikan impak kepada kehidupan masyarakat dan ekonomi negara secara keseluruhannya .

6. Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Pengerusi MRM sebentar tadi, MRM juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kolaborasi dengan industri untuk mengkomersilkan idea–idea yang berpotensi hasil dari pertandingan yang mereka anjurkan. Dan saya juga mengambil maklum bahawa ada di antara idea tersebut masih tidak dapat dibangunkan lagi kerana MRM tidak memiliki dana pembangunan produk yang boleh digunakan bagi membiayai kos penyediaan prototaip produk. Walaupun agak sukar, saya pasti MRM akan terus berusaha dan mewakili MOSTI, saya akan cuba untuk memberikan sokongan yang sewajarnya.
7. Selain itu, saya juga faham betapa pentingnya bagi sesebuah negara untuk memiliki polisi rekabentuknya sendiri. Oleh yang demikian, saya sangat menyokong usaha MRM bersama-sama pelbagai stakeholders berkaitan untuk menyediakan draf polisi rekabentuk tersebut yang akhirnya akan memberikan manfaat kepada semua pihak sebaik dilaksanakan. Begitu juga saya yakin bahawa kemajuan dan kecemerlangan negara akan dipacu dengan lebih laju dan dinamik lagi apabila rekabentuk menjadi salah satu agenda strategik Negara.
8. Berdasarkan “International Design Scoreboard” yang telah disertai oleh 12 negara (Amerika Syarikat, Denmark, Finland, Hong Kong, Iceland, Japan, Kanada, Korea, Norway, Singapura Sweden, United Kingdom), rata-rata mereka bersetuju bahawa pengeluaran

bagi produk yang bernilai rendah telah berpindah ke negara yang boleh mengeluarkannya dengan kos yang lebih murah. Walaubagaimanapun mereka juga berpendapat, aktiviti bernilai tinggi seperti penyelidikan & pembangunan; teknologi, & rekabentuk akan terus kekal di negara masing-masing. Tetapi, hari ini kita juga menyaksikan bukan hanya bidang pembuatan yang telah mula berpindah ke luar negara tetapi begitu juga aktiviti yang bernilai tinggi juga telah turut berpindah ke luar negara. Pada tahun 2005, Sir George Cox, dalam Cox Review telah membuat kesimpulan iaitu kekuatan rekabentuk di peringkat nasional adalah tersangat penting bagi kesinambungan kelestarian ekonomi bagi sesuatu negara.

Yang Amat Berhormat Tan Sri dan para hadirin sekalian,

9. Ketika melalui pameran produk finalis sebentar tadi, saya sempat melihat beberapa idea menarik yang sangat berpotensi untuk dikomersilkan. Dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di malaysia, saya percaya para peserta cabaran rekabentuk nasional tahun lalu telah melakukan penyelidikan yang menyeluruh sebelum sebarang cadangan idea dihantar untuk penilaian. Oleh yang demikian, saya berkeyakinan penuh idea–idea tersebut sudah pasti sangat menepati aspirasi sektor perkhidmatan awam di negara kita kerana ia juga telah dinilai oleh mereka yang berpengalaman termasuk dari pasukan bomba dan penyelamat, selain pihak berkuasa tempatan.

10. Berbeza dengan tahun lalu, MRM juga telah menetapkan tema yang sangat menarik pada tahun ini, iaitu 'Pembelajaran Melalui Rekabentuk'. Sepertimana yang telah dicadangkan, ia diharap akan membuka ruang kerjasama di antara pereka, industri dan sektor pendidikan untuk saling melengkapi, dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran anak-anak kita. Ini merupakan sesuatu yang baru dan saya percaya di akhir pertandingan ini kelak, kita akan dapat melihat banyak hasil idea yang luar biasa dari segi kreativiti dan tahap inovasinya.

Para hadirin sekalian ,

11. Saya tidak bercadang untuk berucap panjang pada petang ini kerana saya yakin kita semua sedang menantikan ucapan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selepas ini. Oleh itu, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) dan semua pelajar yang telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini.
12. Tahniah juga diucapkan kepada para finalis pertandingan dan saya berharap kejayaan anda akan menjadi pendorong kepada lebih banyak penyertaan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.